
Title	Aneh, ya aneh.. namun, it's the beauty of the language: Pluralisasi kekata serapan ke bahasa Melayu
Author(s)	Muhammad Ariff bin Ahmad

Copyright © 1994 Muhammad Ariff bin Ahmad

Mas 1994 0515 1538 b&b 166 : perihal penggunaan kekata asing.

***Aneh, ya aneh.
namun, it's the beauty of the language..***

Pluralisasi Kekata Serapan ke Bahasa Melayu

Seorang pengguna bahasa profesional yang menggunakan bahasa Melayu dalam kerjanya, sama ada dengan surat kepada mitra hubungannya atau dengan lisan kepada mitra bicaranya, telah menyatakan kebingungannya terhadap penggunaan kekata berbentuk jamak (*plural*) asing yang terpakai dalam bahasa Melayu. Lima patah kekata yang disebutnya sebagai contoh ialah *data*, *agenda*, *kriteria*, *ulamak* dan *asatizah*.

"Kelima-lima kekata itu sudah sedia berbentuk *plural*," kata pengguna profesional itu, "tetapi **mengapa**: apabila digunakan dalam bahasa Melayu, kekata-kekata itu *diplural*kan lagi menjadi *data-data*, *agenda-agenda*, *kriteria-kriteria*, *para ulamak* dan *para asatizah*?" tanyanya pula.

Penanya tidak bertanya sama ada *pluralisasi* demikian itu betul atau tidak, menurut kaedah bahasa Melayu. Yang ditanyakannya ialah **mengapa** 'kekata yang sudah *plural* itu harus *diplural*kan lagi'? Jika hendak dijawab dengan cara yang mudah mungkin tiga peribahasa - (1) *lain padang lainlah belalangnya*; (2) *lagi terang lagi bersuluh*; (3) *mengukur baju di badan sendiri* - dapat menjawab **mengapanya** itu,

Namun, Oleh sebab *pepluralan* (*pluralisasi*) dalam bahasa Melayu sudah bermula semenjak sebelum bahasa itu diserapi bahasa asing lagi, maka sistem *pepluralan* itu telah bertahan kukuh sebagaimana adanya. Peribahasa (1) menjelaskan bahawa bahasa Melayu adalah lain daripada bahasa asing, iklim tempat tumbuhnya, pemikiran yang mendorong pertumbuhannya dan budaya bahasa itu sendiri tidak sama dengan keadaan bahasa-bahasa asing yang diserapkan ke dalamnya. Maka itu apabila menilai bahasa Melayu hendaklah dinilai menurut sebagaimana yang diajarkan peribahasa (3) tadi.

Bagaimanapun, Pada hemat saya: keraguan karyawan tersebut melibatkan dua isu bahasa. Isu pertama mengenai *adoptasi* [pengambilan kekata asing itu menjadi kekata Melayu] dan isu kedua ialah mengenai *pepluralan* atau *pluralisasi* [ketunggalan/kejamakan - kata tata bahasa baku bahasa Indonesia 1993]. Oleh sebab ada dua isu, maka baiklah rasanya kita bicarakan satu persatu isu itu.

§1. Pengambilan Kekata Asing

1.1 istilah *kekata ambilan*:

Saya gunakan istilah *kata ambilan* [walaupun hampir semua orang mengatakannya 'kata pinjaman'] bagi kata asing yang kita serap dan gunakan dalam bahasa Melayu sebagai sebahagian daripada kata-kata Melayu kerana konsep 'pinjam' itu tidak sama dengan konsep *ambil*. Menurut adat: setiap pinjaman, lambat laun, wajib dipulangkan peminjam kepada yang meminjamkan, kerana pemindahan hak tidak tercantum dalam konsep 'pinjam' itu; sedangkan menurut kebudayaan bertukar-tukar hak dan *berambil-ambilan* dalam perkara yang mendatangkan manfaat adalah 'halal'.

1.2 *kekata ambilan* daripada bahasa asing

(a) Barangkali ada orang yang hendak tahu *semenjak bila kekata asing itu terambil, terserap dan digunakan sebagai kekata bahasa Melayu*. Jawabnya ialah *semenjak orang Melayu ditemui orang asing* - semenjak mereka mula berkenalan, berhubungan dan bergaul dengan orang asing, semenjak mereka berkenalan dengan pemikiran dan falsafah orang asing, semenjak mereka berkenalan dengan dan turut menghayati kebudayaan orang asing, dan semenjak mereka berhijrah daripada 'masyarakat tertutup' kepada 'masyarakat terbuka'..

(b) Jika diukur menurut kiraan sejarah, semenjak kira-kira tahun 600M, semenjak orang Melayu mulai terkenal di tanah Palembang. Pada tahun 671M di Sri Vijaya (Palembang) sudah ada universiti yang mengajarkan falsafah Buddha dengan bahasa pengantarnya bahasa Melayu. Pasti: bahasa Melayu itu sudah dibaui dengan bahasa Sanskrit.

(c) Sumber *kata ambilan* bagi bahasa Melayu yang mula-mula ialah bahasa Sanskrit. Perkembangan budaya [daripada kehidupan *anamisma* kepada kehidupan *beragama*; dan agama yang mula-mula dianut orang Melayu ialah Buddha, Hindu] telah menyebabkan banyak kekata dari bahasa Sanskrit telah *diambil*, diserap dan digunakan dalam bahasa Melayu. Kemasukan kekata Sanskrit itu telah membolehkan bahasa Melayu digunakan apabila orang berbicara tentang agama dan kehidupan.

(d) Dari bahasa Sanskrit terambil kekata seperti *agama, tuhan, sembahyang, dosa, pahala, syurga, bahasa, bumi, karya (kerja), suka, duka, murka, durja* dan beribu-ribu yang lain lagi. Dari bahasa Tamil terambil pula kekata seperti *cuti, curi, culi, kapal, kolam, tirai, mempelai* dan yang sebagainya. Dari beberapa bahasa di benua India seperti bahasa Hindi dan Dravida pun terdapat juga *kekata ambilan* dalam bahasa Melayu.

(e) Seterusnya, makin banyak didatangi dan digauli orang asing, semakin terbuka pemikiran orang Melayu; makin luas perkembangan budaya, semakin banyak perkara yang hendak dibicarakan orang Melayu. Dan, makin maju kehidupan orang Melayu semakin banyaklah pula *kata ambilan* dari bahasa asing [seperti bahasa-bahasa China, Arab, Farsi, Portugis, Belanda dan Inggeris] itu yang dianggap masih perlu diserap dan digunakan dalam bahasa Melayu, di samping usaha mencipta kekata baru dilaksanakan.

(f) Banyak antara *kata ambilan* itu, yang bukan sahaja telah diserap, dimastautin dan digunakan sebagai bahasa Melayu, malah kekata-kekata itu telah menggugat dan telah 'menendang keluar' kekata Melayu yang asli daripada kegunaannya sehari-hari.

(g) Satu contoh yang paling ketara ialah penyerapan kekata '**kata**'. Kekata **kata** itu *terambil* dari bahasa Sanskrit, Namun, penggunaan kekata **kata** yang begitu meluas telah menjadikan orang lupa akan kekata Melayu aslinya *ujar*. Maka di luar kesedaran pengguna kekata **kata** itu telah digunakan menggantikan kekata *ujar*. Inilah yang dimaksudkan kekata **kata** itu telah menyingkirkan kekata *ujar* daripada penggunaan sehari-hari. [baca Ch A van Ophuysen, tata bahasa Melayu 1915 - di-Indonesiakan 1983].

(h) Selain itu, perubahan politik dari sistem pemerintahan berkelompok kepada sistem bernegara dengan menggunakan gelar *raja, bendara, temenggung* telah menjadikan orang lupa bahawa orang Melayu asli menggelarkan pemerintahnya dengan kata *batin, jekerah* dan *jenang*. Dalam zaman pendudukan tentera Jepun [1942-1945] ada dihidupkan gelar *demang* dan *sidang* tetapi sekarang sudah dilupakan semula.

(i) Kita dapat mengambil kesimpulan bahawa kekata asing bukan sahaja diserap untuk menyebut nama hal-hal yang baru, tetapi ada pula *kata ambilan* yang terutama untuk merujuk kepada orang yang berkedudukan tinggi, atau jika berbicara dengan mereka; ada pula yang diambil sekadar kerana dirasakan 'kata asing' itu lebih indah, lebih bergaya atau penggunaannya terasa dirinya lebih terpelajar.. - ujar lagi van Ophuysen.

1.3 bagaimana pengambilan kekata dilakukan

(a) Orang Melayu mengambil kekata asing itu mengikut daya deria dengarnya sendiri [bukan sebagaimana kekata itu disebut menurut *fonologi* bahasa asalnya]. Kemudian, diterjemahkan pendengarannya itu ke dalam sebutan persis sebagaimana yang didengarnya menurut *fonologi* bahasa Melayu, antara misalnya:

- kata Sanskrit *bha:sya* disebut Melayu **bahasa**;
- kata Sanskrit *gha:bi:ra* disebut Melayu **gembira**;
- kata Sanskrit *dha:vu:sya* disebut Melayu **dosa**;
- kata Sanskrit *pha:laa* disebut Melayu **pahala**;
- kata Portugis *va:yo:la* disebut Melayu **biola**;
- kata Portugis *ca:mej:za* disebut Melayu **kemeja**;
- kata Inggeris *go:a:head* disebut Melayu **gohet**;
- kata Inggeris *go:as:turn* disebut Melayu **gostan**;
- kata Inggeris *te:le:phone* disebut Melayu **talipon** [sekarang: **telefon**]

dan ada beribu-ribu kekata lagi.

[baca Drs Mohamad Ngatenan, Kamus Etimologi Bahasa Indonesia, 1986]

(b) Kekata asing yang terserap ke bahasa Melayu itu diambil *bulat-bulat* mengikut keadaan sebagaimana adanya, tanpa peduli akan bentuk kekata yang diambil itu - tidak kira sama ada kekata itu *kata akar*, *kata dasar*, *kata jadian (kata turunan)* atau pun kekata itu dalam bentuk *tunggal/jamak* atau *jantan/betina*. Sebaik-baik sahaja terpakai sebagai bahasa Melayu maka tertaklukkan kekata itu di bawah hukum tata bahasa Melayu. Bunyi sebutannya diproses mengikut hukum *fonologi* dan pembentukan katanya diproses mengikut hukum *morfologi* Melayu, antara misalnya:

- kekata *agama* berasal dari kata Sanskrit *gam* yang bermakna *jalan*. Dipakaikan awalan *a* [Skr] jadi *agam* bermakna *tidak jalan*, dibubuhi pula akhiran *a* jadi *agama* membawa makna *bukan jalan yang tidak [jalan yang lurus(?)]*. Kekata *agama* itu pernah disebut sebagai *agama*, *igama* dan *ugama*, tetapi sekarang sudah dibakukan menjadi *agama* yang maknanya setara dengan *religion* [Ing] atau *addin* (Arab).
- kekata *culi* [Tam] ialah baju atau *blouse* dipakai perempuan India sebelum memakai 'sari'. Diambil bahasa Melayu dengan sebutan *coli* tidak lagi bermakna baju/blouse tetapi ialah *kutang* [pakaian penutup buah dada perempuan].
- kekata *camejza* [Port] terambil dari kata Arab *gamis*, diambil dan diserap ke bahasa Melayu dengan sebutan *kemeja* [baju yang disebut Inggeris: *shirt*].
- kekata *Allahumma* yang bermakna *Duhai Allah* diucapkan dengan sebutan Melayu *Alla-mak!* membawa makna yang setara dengan kata *oh (my) God!* [Ing]. Sekarang kata *Allamak* itu dianggap satu daripada *kata seru* dalam bahasa Melayu.

(c) Akan makna *kekata ambilan* itu pula ada kekata yang masih membawa makna asalnya tetapi banyak sekali yang sudah berubah maknanya. Penyelewengan itu berlaku kerana kebanyakan makna *kata ambilan* itu difahamkan menerusi konteks penggunaannya bukan dari makna leksikalnya, umpamanya:

- kekata **ghabira** [Skr] yang disebut Melayu **gembira** itu bermakna *perasaan [marah] yang mendalam (bersangatan)*. Dalam kesusasteraan Melayu klasik 'yang naik **gembira**' ialah gajah. Kadang-kadang tuanku pun naik **gembira** (terlalu murka) juga. Zaman kini semua orang boleh bergembira, kerana 'gembira' sekarang ini membawa makna suka.
- kekata **phala** [Skr] yang disebut Melayu **pahala** itu bermakna *buah*. Dalam konteks agama 'seseorang yang bertanam pohon akan dapat menikmati buahnya'. Maka itu dalam kehidupan orang Melayu **pahala** itu hanya dikaitkan dengan kehidupan beragama. Dan semua orang memahamkan makna **pahala** itu ialah *ganjaran yang dikurniai Allah akan orang yang telah berbuat kebajikan*.

§2. Pluralisasi dalam Bahasa Melayu

2.1 pluralisasi yang wujud

(a) Menerusi bukunya 'Ilmu Perbandingan Bahasa-bahasa Austronesia [1967] Prof C A Mees menyatakan bahawa: kebanyakan bahasa (Austronesia) *tidak sempurna* dalam pernyataan *numerusnya*. Bahasa Melayu adalah termasuk dalam golongan bahasa Austronesia itu. Ketidaktersempurnaan itu kelihatan pada kekata yang tidak pasti *numerusnya*, misalnya:

- (1) Saya nampak: ada *orang* berjalan di dalam gelap itu.
- (2) *Orang* Islam diharamkan memakan riba.
- (3) Dinding sebelah kiri berhias *daun kelapa* berselang-seli dengan *kertas* merah dan putih, manakala di dinding kanaknya pula terpapar *huruf*'SELAMAT HARI RAYA'.

(b) *Orang* dalam contoh (1) tidak jelas *tunggal/jamaknya*, tetapi *orang* yang di dalam contoh (2) itu pasti *jamaknya*; manakala dalam contoh (3) kekata *daun kelapa*, *kertas* dan *huruf* itu sepatutnya berbentuk *tunggal*, namun oleh sekitarnya kekata itu menjadi berbentuk *jamak*.

(c) Kata Profesor itu seterusnya: *numerus* bagi kebanyakan bahasa Austronesia dinyatakan oleh *kelainan bentuk kata yang berkenaan*, sama ada yang:

- dipakaikan *imbunan* [awalan, sisipan, akhiran atau apitan], misalnya: *bertaburan*, *bergemerlap*, *sinambung* dan yang seumpamanya.
- dijadikan *kata gandaan*, misalnya: *indah-indah*, *kuih-muih*, *tanggung-langgang*, *gegap-gempita*, *mundar-mandir*, *ipar-duai*, *mentua-taya* dan yang sebagainya.
- di depan *kata khusus* [sebagai penanda tunggal/jamak], misalnya: *kaum buruh*, *kaum guru*, *para pegawai*, *para hadirin* dan yang seumpamanya. [kata penanda *para* dan *kaum* terkhusus bagi manusia; bagi yang bukan manusia - *para harimau*, *kaum botol* - tak boleh diterapkan].

(d) Tata Bahasa Baku Bahasa Indonesia [1993] mengatakan bahawa: dalam bahasa Indonesia [juga bahasa Melayu]:

- *ketunggalan* ditandai dengan kekata *satu*, *suatu*, *esa* atau *se*, misalnya:
 - (4) Tiap calon dimestikan mengambil *satu mata pelajaran* wajib.
 - (5) *Seorang* musafir sedang mengembara di *suatu padang pasir*.
- *kejamakan* pula sama ada kekata itu digandakan atau pun ditandai dengan kekata seperti *para*, *kaum*, *pelbagai* atau yang sebagainya, misalnya:
 - (6) *Para sasterawan* sedang bersiap-siap hendak ke Brunei Darussalam.
 - (7) Penduduk estet itu terdiri daripada 80% *kaum buruh*.

(8) *Banyak orang* sedang berusaha menurunkan berat badannya.

2.2 sistem pluralisasi bahasa Melayu

(a) Berdasarkan kedua-dua keadaan yang wujud itu dapat kita menarik kesimpulan bahawa *sistem pluralisasi* bahasa Melayu ialah:

- (1) kecuali *kata benda* atau *kata ganti* bagi kelompok atau jenis, tiap *kata dasar* bahasa Melayu tidak jelas bentuk *ketunggalan/kejamakannya*.
- (2) tiap kata boleh dijadikan berbentuk *tunggal* atau *jamak* dengan diberikan *imbuan, kata-kata penanda* atau dijadikan *kata ganda*.
- (3) *kata penanda* yang menyatakan bentuk *tunggal* ialah: *satu, suatu, esa* dan *se+* penjodoh bilangan.
- (4) *kata penanda* yang menyatakan bentuk *jamak* ialah: *kaum, para, banyak, ramai, semua, segala, sekalian, seluruh*.
- (5) tidak berlaku hukum-hukum bahasa asing untuk menentukan *ketunggalan* atau *kejamakan* bagi bahasa Melayu

(b) Semua kekata asing - tidak kira apa bahasa asalnya - yang terambil dan diserapkan ke bahasa Melayu adalah dianggap *kata dasar* seperti yang dinyatakan 2.2 (a) (1) di atas. Perkembangan selanjutnya dalam kegunaan bahasa Melayu adalah mengikut kaedah yang teradat dalam bahasa Melayu - *fonologi, morfologi* dan *sintaksisnya* terproses menurut tata bahasa Melayu.

3. Kesimpulan

(a) Berdasarkan sistem *pengambilan kekata asing* dan sistem *pluralisasi bahasa Melayu* yang tersebut di atas maka penggunaan kata-kata *data-data, agenda-agenda, kriteria-kriteria, para ulamak* dan *para asatizah* dalam bahasa Melayu adalah 'harus'. Oleh sebab kata-kata itu sudah menjadi kekata Melayu, maka dalam penggunaannya: wajarlah kata-kata itu diproses menurut kaedah bahasa Melayu.

(b) Mudah-mudahan keterangan ini dapat menghilangkan keraguan pengguna profesional yang kebingungan itu di samping menjadi bahan renungan para pengguna bahasa yang peka terhadap penggunaan bahasa Melayu di Singapura ini.